

D064

U B172 A A B
CHOGM - MAHATHIR

I .

KUALA LUMPUR, 20 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD KINI BERPUAS HATI DENGAN PENJELASAN ENCIK LEE KUAN YEW MENGENAI TAWARAN REPUBLIK ITU UNTUK MEMBENARKAN ANGKATAN TENTERA AMERIKA, SYARIKAT LEBIH MENGGUNAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG TERDAPAT DI NEGARA ITU, SEORANG PEGAWAI MALAYSIA BERKATA HARI INI.

KETUA SETIAUSAHA KEHENTERIAN LUAR, DATUK AHMAD KAHIL JAAFAR BERKATA, PEMIMPIN SINGAPURA ITU TELAH MENJELASKAN KEPADA DATUK SERI DR MAHATHIR BAHAWA TIDAK AKAN TERDAPAT SEBARANG PANGKALAN YANG TETAP.

BELIAU BERKATA, TIMBULNYA BANTAHAN KERAS DARI MALAYSIA KETIKA SINGAPURA BUAT PERTAMA KALI MENGUMUMKAN HASRATNYA ITU PADA JUN LEPAS BERPUNCA DARIPADA KEKURANGAN MAKLUMAT DARI SINGAPURA.

+PENJELASAN PERTAMA YANG DIBERIKAN KEPADA KAMI ADALAH KABUR+, KATANYA PADA TAKLIMAT KEPADA MEDIA BERITA TEMPATAN SELEPAS PERTEMUAN KEDUA-DUA PEMIMPIN ITU SEMALAM.

ENCIK LEE, DALAM PERSIDANGAN AKHBARNYA KEPADA PEMBERLTA SINGAPURA SEMALAM BERKATA, +KEGAIIRAHAN+ YANG DITUNJUKKAN OLEH DATUK SERI DR MAHATHIR PADA PERINGKAT AWAL BERHUBUNG TAWARAN ITU BOLEH DIELAKKAN SEKIRANYA BELIAU MEMBERITAHU PEMIMPIN MALAYSIA ITU MENGENAI RANCANGAN-RANCANGANNYA ITU SEMASA PERJUMPAAN MEREKA MAC LEPAS. -- LAGI

1609MST 20 10 89

D067

U B174 A A B
CHOGH - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

I

ENCIK LEE BERKATA, BELIAU TIDAK MENGUTARAKAN PERKARA ITU SEMASA LAWATANNYA SEBELUM INI KERANA DATUK SERI DR MAHATHIR BARU SAHAJA PULIH DARIPADA MENJALANI PEMBEDAHAN PINTASAN KORONARI DAN BELIAU TIDAK MAHU MENYUSAHKAN PERDANA MENTERI MALAYSIA ITU.

MENURUT KENYATAAN SINGAPURA PADA RABU LEPAS, DI BAWAH SYARAT-SYARAT TAWARAN ITU, AKAN TERDAPAT PERTAMBAHAN PENGGUNAAN KEMUDAHAN PENYENGGARAAN DAN MEMBAIKPULIH KEPADA KAPAL-KAPAL LAUT TENTERA AS,, SERTA SINGGAHAN SINGKAT PESAWAT AS DI PANGKALAN UDARA PAYA LEBAR SECARA BERGILIR-GILIR MULAI TAHUN 1990.

DATUK AHMAD KAMIL BERKATA, TAWARAN SINGAPURA ITU SEBENARNYA IALAH SATU +PERKIRAAN PERNIAGAAN+.

BELIAU BERKATA, ENCIK LEE JUGAMENEKANKAN PERLUNYA PARA PEGAWAI DARI KEDUA-DUA NEGARA MENGENALI ANTARA SATU SAMA LAIN DENGAN LEBIH DEKAT LAGI.

KATANYA, ENCIK LEE BERANGGAPAN BAHAWA MENERUHI HUBUNGAN SEDEMIKIAN, BANYAK MASALAH DAPAT DISELESAIKAN. -- BERNAMA

1618MST 20 10 89